



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KEMPEN MALAYSIA MEMBACA

KUCHING, 30 SEPTEMBER 2025 – Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak telah melancarkan **Karnival Baca Perdana dan Pesta Buku Sarawak 2025**, sebuah inisiatif penting yang bertujuan memupuk budaya membaca serta memperkukuh semangat perpaduan selaras dengan gagasan Malaysia MADANI.

Karnival ini berlangsung dari 27 September hingga 5 Oktober 2025 di The Hills, Kuching, Sarawak dan telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Program ini merupakan kesinambungan daripada penganjuran sulung Karnival Baca Perdana 2024 yang diadakan di Kuala Lumpur dan terbukti berjaya menarik minat masyarakat pelbagai lapisan melalui pendekatan *edutainment* iaitu gabungan pendidikan dan hiburan dalam memupuk budaya ilmu secara inklusif.

Dalam ucapannya, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami menegaskan bahawa program seperti ini bukan sahaja menyumbang kepada usaha memperkukuh budaya ilmu dalam kalangan rakyat, malah turut berperanan sebagai platform untuk mengeratkan perpaduan nasional melalui pengiktirafan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya, bahasa dan etnik di negara ini.

Antara aktiviti utama sepanjang karnival ini termasuk pameran dan jualan buku, pameran seni dan kraf, demonstrasi kaligrafi, sesi interaktif bersama penulis, serta forum pendidikan dan ilmiah. Turut dianjurkan ialah pelbagai program interaktif yang dirancang khusus untuk menarik

minat pengunjung daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur. Pengisian program turut disokong oleh kerjasama strategik bersama pemain utama industri perbukuan, termasuk penerbit, penulis, persatuan penjual buku, tokoh pendidikan dan firma teknologi perpustakaan.

Kementerian Perpaduan Negara

30 September 2025

KPN.100-9/1/16 (82)